

MAHATHIR - TANI

1982

MELAKA, 18 DIS. (BERNAMA)-DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MAHUKAN SEMUA PETANI MENYAHUT PEREDARAN ZAMAN DENGAN MENGAMALKAN KAEDAH PERTANIAN MODEN BAGI MENINGKATKAN TARAF HIDUP DAN MENAMBAH PENDAPATAN MEREKA.

PERDANA MENTERI BERKATA PENGGUNAAN KAEDAH PERTANIAN MENGIKUT TEKNOLOGI MODEN JUGA ADALAH SECUCUK DENGAN MATLAMAT KERAJAAN YANG INGIN MELIHAT PEMBANGUNAN DINIKMATI BERSAMA OLEH PENDUDUK LUAR BANDAR.

+PETANI TIDAK BOLEH LAGI MEMPUNYAI SIKAP HANYA PUAS HATI DENGAN MENGAMALKAN CARA PERTANIAN TRADISI.+

+MASA TELAH BEREDAR DARIPADA MENGGUNAKAN KERBAU UNTUK MEMBAJAK SAWAH KEPADA ZAMAN PETANI MENGGUNAKAN JENTERA MODEN YANG BOLEH MENJAMIN PENDAPATAN YANG LEBIH BAGI MEREKA.+ TEGAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SEMASA MELANCARKAN SYARIKAT PEMBANGUNAN PERTANIAN MELAKA YANG DITUBUHKAN UNTUK MEMBANGUN DAN MEMULIHKAN 170 HEKTAR (457 EKAR) TANAH TERBIAR DI KUALA SUNGAI BARU DI DAERAH ALUR GAJAH KIRA-KIRA 50 KM DARI SINI.

-LAGI 1642/HM

ZCZC 8586

MAHATHIR - TANI 2 MELAKA

BELIAU YAKIN SEMUA PETANI TIDAK MAHU LAGI HIDUP 'KAIS PAGI MAKAN PAGI, KAIS PETANG MAKAN PETANG' DAN MENAMBAH TARAF HIDUP YANG TINGGI TIDAK AKAN TERCAPAI JIKA PETANI SENDIRI TIDAK BERUSAHA MENGUBAH CARA PERTANIAN.

PERDANA MENTERI YAKIN PENGGUNAAN JENTERA DAN ALAT MODEN AKAN MEMBANTU TUGAS MEREKA DENGAN LEBIH BERKEBAN DAN LEBIH EKONOMI JIKA IA DIGUNAKAN SEPANJANG MASA.

+SUNGGUHPUN BETENGAH PENDAPAT MENGATAKAN PENGGUNAAN JENTERA MODEN TIDAK PRAKTIKAL BAGI SAWAH PADI DI NEGARA INI, SAYA BERPENDAPAT IA BOLEH DIGUNAKAN JIKA PETANI MENGUSAHAKAN SECARA BERKELOMPOK DI KAWASAN PERTANIAN YANG LUAS,+ TAMBAH BELIAU.

KATANYA PROJEK PENANAMAN PADI SECARA BERKELOMPOK TELAH DILAKSANA-KAN SECARA PERCUBAAN DI ASAM JAWA, KEDAH DAN MENCAPI KEJAYAAN DI SITU PENANAMAN PADI DIUSAHAKAN BERSAMA SECARA ESTET OLEH KELUARGA TANI DENGAN MENGGUNAKAN JENTERA KEPUNYAAN SENDIRI.

BELIAU PERCAYA PROJEK YANG SAMA BOLEH DIJALANKAN DISEMUA TEMPAT JIKA PETANI SANGGUP BEKERJASAMA DAN BERSEDIA MENERIMA GAJI DAN ELAUN MENGIKUT LUAS KAWASAN TANAH SAWAH YANG DIUSAHAKAN.--  
LAGI 1646/HM

ZCZC 8587

MAHATHIR - TANI 3 MELAKA

DATUK BERI DR. MAHATHIR BERKATA BANYAK LAGI CARA PERTANIAN MODEN YANG BOLEH DIJALANKAN JIKA PETANI SANGGUP MENERIMA PERUBAHAN KERANA JIKALAU TIDAK MEREKA AKAN TINGGAL DI BELAKANG OLEH DUNIA.

BELIAU MENEGASKAN TIDAK ADA TEMPAT BAGI PETANI YANG MALAS BER-USAHA TERUTAMA JIKA MEREKA TERLIBAT DALAM PENANAMAN BUAH-BUAHAN ATAU LAIN-LAIN TANAMAN YANG MEMERLUKAN PENJAGAAN YANG RAPI.

KATANYA PENGALAMAN THAILAND MEMBUKTIKAN BAHAWA SUNGGUHPUN NEGARA ITU PANAS SEPERTI NEGARA INI, IA DAPAT MENGELUARKAN BUAH ANGGUR SEHINGGA BOLEH DIIMPORT KE NEGARA INI.

+SAYA JUGA YAKIN PETANI DI NEGARA INI BOLEH MENCAPI KEJAYAAN YANG SAMA DAN DAPAT MENAMBAHKAN PENDAPATAN MEREKA JIKA MEREKA BERUSAHA MENANAM LAIN-LAIN TANAMAN YANG DAPAT DIPASARKAN DENGAN HARGA LEBIH LIMA KALI GANDA DARIPADA CUMA MENANAM PADI.

DI AKHIR UPACARA ITU BELIAU MENYAMPAIKAN HADIAH KEPADA PEMENANG PERTANDINGAN KAMPUNG JAYA DAN KUMPULAN TANI SISTEM 2L (LAWATAN DAN LATIHAN) YANG PRODUKTIF.

INI MERUPAKAN LAWATAN KETIGA PERDANA MENTERI KE KAMPUNG ITU - KALI PERTAMA MEMBUKA SEKOLAH MENENGAH RAHMAT PADA TAHUN 1976 SEMASA BELIAU MENTERI PELAJARAN DAN KALI KEDUA MERASMIKAN AKADEMI LAUT MALAYSIA.

BERNAMA 1535/HM